



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : PSIKOLOGI PENDIDIKAN
KOD MATA PELAJARAN : DBE 2112
KURSUS : DIPLOMA KEJURUTERAAN
SERTA PENDIDIKAN
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 MUKA SURAT

- S1 Aspek-aspek yang dipentingkan oleh psikologi pendidikan ialah
- A pelajar, guru dan ibu bapa
 - B pelajar, agama dan moral
 - C pelajar, masyarakat, sekolah dan kebudayaan
 - D pelajar, proses pembelajaran dan situasi pembelajaran
- S2 Mengikut Maslow, dasar hierarki keperluan manusia ialah
- A kasih sayang
 - B penghargaan diri
 - C penyungguhan sendiri
 - D fisiologi
- S3 Pembelajaran kognitif ialah tentang
- A pembentukan jasmani
 - B pembentukan kebiasaan dan sikap
 - C pembentukan konsep
 - D pembentukan minat
- S4 Kelakuan manusia seperti menguap dan mengelip mata biasanya disifatkan sebagai
- A naluri
 - B kebiasaan
 - C pantulan
 - D desakan
- S5 Untuk menolong kanak-kanak mengatasi perasaan takut, cara yang baik sekali ialah
- A tak usah ambil hirau
 - B tunjuk keberanian
 - C cari sebab-sebab sebelum mengambil sesuatu tindakan
 - D menerangkan kepada mereka bahawa tidak ada satu-satu yang ditakutkannya.

- S6 Pada amnya personaliti boleh dibahagikan dalam dua jenis-ekstrovert dan introvert. Ahli psikologi yang membuat pembahagian ini ialah
- A Jung
 - B Allport
 - C Piaget
 - D Sheldon
- S7 Pilih yang mana satu yang tidak benar diantara kenyataan –kenyataan dibawah ini.
- A pertumbuhan jasmani bergantung kepada pertumbuhan akal
 - B pertumbuhan jasmani mempengaruhi pertumbuhan sosial
 - C pertumbuhan sosial berkaitan pertumbuhan akal
 - D pertumbuhan akal berkaitan dengan pertumbuhan jasmani
- S8 Kebolehan kanak-kanak menguasai sesuatu kemahiran atau mempelajari sebarang kemahiran tertentu khusus dipengaruhi oleh
- A mutu pengajaran guru
 - B minat kanak-kanak dalam kemahiran itu
 - C peringkat kematangannya
 - D pengalaman tersedia
- S9 Keterangan yang paling tepat tentang pengertian personaliti ialah
- A personaliti merupakan sesuatu yang diwarisi daripada ibu bapa
 - B personaliti merupakan corak keseluruhan tingkahlaku seseorang
 - C personaliti ialah seerti dengan watak
 - D personaliti merupakan asas perbezaan antara sesaorang dengan seseorang yang lain

- S10 Amir seorang pelajar sekolah menengah selalu meminta ibubapa membenarkan memakai *jean* seperti rakan-rakannya. Tindakan ini lebih tepat menggambarkan keperluannya untuk
- A menunjukkan dirinya mempunyai gaya
 - B mendapat penerimaan rakan-rakannya
 - C menjadi seorang yang maju dalam kumpulannya
 - D mahu menjadi seorang dewasa.
- S11 Faktor utama bagi kanak-kanak belajar berjalan ialah
- A kematangan
 - B senaman
 - C latihan
 - D bimbingan ibubapa
- S12 Psikologi sebagai satu sains
- A selalu melibatkan diri dengan tingkah laku abnormal
 - B mengkaji tentang tingkah laku manusia dan haiwan
 - C membolehkan kita mengetahui hampir-hampir semua tentang tingkah laku manusia
 - D mengetahui, meramal dan mengawal tingkah laku
- S13 Yang manakah di bawah ini bukan tugas perkembangan remaja?
- A Dia harus menyediakan diri untuk perkahwinan
 - B Dia harus boleh berfikir secara konkrit
 - C Dia harus membina satu falsafah hidup sendiri
 - D Dia harus memainkan peranan jantintanya
- S14 Okid adalah seorang budak yang lebih cerdas daripada bapanya, keterangan yang paling munasabah boleh diberikan ialah
- A fenomena ini belum dapat dipastikan
 - B generasi dari satu generasi jadi lebih pandai
 - C rakan sebaya Okid mempunyai kecerdasan yang lebih tinggi
 - D persekitaran Okid lebih baik daripada persekitaran bapanya semasa kanak-kanak

- S15 Guru perlu menguasai pengetahuan asas mengenai psikologi oleh kerana ia
- A membimbing guru ke arah pembentukan objektif
 - B membekalkan guru rangka teori yang penting dalam perinsip-perinsip pedagogi
 - C menyediakan guru dengan kemahiran untuk menentukan amalan pendidikan.
 - D memberikan guru perspektif yang baik tentang sifat sifat pembelajaran.
- S16 Individu matang yang kembali ke peringkat kematangan yang lebih rendah untuk menyelesaikan dikatakan menunjukkan sifat helah bela diri
- A represif
 - B regresif
 - C konvesi
 - D agresif
- S17 Pertumbuhan dan perkembangan manusia ditentukan oleh
- A interaksi faktor iklim dan kebudayaan
 - B faktor persekitaran yang berubah-ubah
 - C sifat-sifat yang diwarisi oleh sesaorang daripada ibu bapanya
 - D interaksi baka dengan persekitaran
- S18 Ani suka menonjolkan dirinya. Ia juga gemar bersenda gurau dengan rakan-rakannya. Ia tidak suka berseorangan. Ani boleh dikatakan mempunyai personaliti
- A introvert
 - B ekstrovert
 - C sosiovert
 - D ambivert

- S19 Kebanyakan daripada masalah yang dihadapi kanak-kanak remaja disebabkan oleh
- A pengharapan kumpulan sebaya terlalu rendah daripada individu
 - B pertentangan diantara kehendak masyarakat dan keperluan remaja.
 - C kekurangan pengalaman remaja dalam hidup
 - D kurikulum dan kaedah mengajjar yang tidak sesuai
- S20 Seseorang yang disifatkan tidak matang beremosi. Ini bermakna ia
- A kurang penguasaan emosi yang bersesuaian dengan kumpulan rakan sebayanya
 - B peringkat kepekaan yang rendah serta pertumbuhan intelek yang tinggi
 - C kecatatan dalam perkembangan emosi dibandingkan dengan pertumbuhan jasmani
 - D kurang sabar dan simpati terhadap sebarang keadaan
- S21 Pertumbuhan kanak-kanak dianggap normal apabila pertumbuhannya
- A seakan-akan serupa dengan kebanyakan kanak-kanak sebaya
 - B berlaku mengikut corak tertentu
 - C seakan-akan serupa dengan semua kanak-kanak sebaya
 - D cepat berlaku
- S22 Emosi kanak-kanak di peringkat awal cepat berubah-ubah kerana
- I mereka melahirkan emosinya dengan tidak bertahan
 - II mereka kurang memahami keadaan yang berkenaan
 - III mereka ingin menyatakan perasaan dengan sepenuh hati
 - IV mereka mempunyai tumpuan perhatian yang pendek
 - V banyak fungsi otak belum dapat beroperasi dengan
- A III, IV dan V sahaja
 - B I,II dan V sahaja
 - C I,II dan III sahaja
 - D I, II dan IV sahaja

- S23 Anak Ali yang berumur lima tahun memerhatikan bahawa tiap-tiap pagi bapanya pergi kerja selepas sarapan pagi. Tetapi pada suatu pagi ia dapati bapanya masih dirumah selepas sarapan pagi lalu ia bertanya, "Mengapa bapa tak pergi kerja, kan bapa dah makan?" Mengikut Piaget, ini dikenali sebagai peroses
- A pengubahsuaian
 - B pendaftaran
 - C penyerapan
 - D kematangan
- S24 Pilih kenyataan paling tepat mengenai baka dan persekitaran.
- A Baka adalah lebih penting daripada persekitaran dalam perkembangan seseorang.
 - B Baka dan persekitaran memainkan peranan yang seragam dalam perkembangan kanak-kanak.
 - C Pada amnya persekitaran tidak boleh mengubah had-had perkembangan yang telah ditentukan oleh baka.
 - D Sebelum seorang bayi dilahirkan, persekitaran tidak ada apa-apa pengaruh atas perkembangannya, hanya baka yang terlibat.
- S25 Faktor manakah yang tidak penting dalam kumpulan kanak-kanak pada peringkat pra –sekolah.
- A kegemaran dalam satu-satu benda
 - B kegemaran dalam satu-satu gerak kerja
 - C saling bersuka ria
 - D jantina
- S26 Pembelajaran psikomotor adalah mengenai
- A pembentukan personaliti
 - B pembentukan emosi
 - C kemahiran otot
 - D pembentukan konsep

- S27 Konsep sendiri bermaksud
- A pengamatan orang lain terhadap dirinya yang tersendiri.
 - B suatu pembentukan konsep yang berasaskan pandangan keluarga terhadap dirinya.
 - C suatu susunan harapan dan penilaian seseorang terhadap dirinya.
 - D tanggapan yang dibuat oleh masyarakat terhadap dirinya.
- S28 Desakan berbeza dari penggerak kerana
- A desakan berhasil dari keperluan fisiologi sahaja, sementara penggerak timbul dari keperluan sosial.
 - B desakan mengekalkan satu peringkat kekuatan yang tetap sementara penggerak berubah-ubah kekuatannya.
 - C desakan mungkin membawa ke arah aktiviti yang tidak bertujuan, sementara penggerak selalu mengarah organisma ke arah satu matlamat
 - D desakan lebih kuat dari penggerak
- S29 Pada peringkat manakah seseorang kanak mengalami perubahan dari pengolahan secara konkrit kepada pengolah secara formal
- A peringkat awal remaja (12-15 tahun)
 - B peringkat bayi (0-2 tahun)
 - C peringkat awal kanak-kanak (2-6 tahun)
 - D peringkat remaja (15-20 tahun)
- S30 Peringkat manakah antara yang berikut bisa dipanggil sebagai masa tekanan dan tegangan?
- A Masa bayi
 - B Masa orang tua
 - C Masa awal kanak-kanak
 - D Masa remaja

- Aspek-aspek yang dipentingkan oleh psikologi pendidikan ialah
- S31 Perbuatan yang mana dibawah ini menunjukkan keperluan autonomi dalam diri sesaorang kanak-kanak?
- A Dia bermain dan merosakan alat rakaman video semasa ibu bapanya tiada di rumah.
 - B Bapanya menyuruhnya membuat kerja rumah pelajaran matematik tetapi sebaliknya dia membuat kerja rumah pelajaran sains.
 - C Dia bermain di semak samun di tepi sungai untuk mengetahui jenis-jenis pokok buah-buahan yang tumbuh disitu.
 - D Dia mencuri alat tulis kawan sedarjahnya kerana ibu bapanya tidak membeli alat itu untuknya.
- S32 Apakah kesan yang akan terjadi sekiranya seseorang itu tidak menerima keperluan kasih sayang yang sepenuhnya diperingkat kanak-kanak?
- A Kanak-kanak akan merasa kecewa dengan sikap ibu bapanya.
 - B Kanak-kanak akan merasa gembira kerana mendapat kebebasan sepenuhnya untuk melakukan sesuatu tanpa sebarang sekatan dari ibu bapa mereka.
 - C Kanak-kanak akan mengalami tekanan perasaan dan perkembangan mentalnya akan terganggu serta merasa tidak mendapat perhatian yang secukupnya.
 - D Apabila dewasa kanak-kanak akan membalas dendam kepada ibu bapa mereka.
- S33 Guru memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah kanak-kanak di sekolah. Pergerakan berikut boleh membantu guru menjalankan peranannya.
- I menerusi lawatan tertentu.
 - II menerusi watak dan pewarisan .
 - III menerusi unit bimbingan dan kerjaya.
 - IV menerusi aktiviti kumpulan dan kerja projek.
- A I, II dan III sahaja
 - B I dan II sahaja
 - C I , II dan IV sahaja
 - D I, II dan IV sahaja

- S34 Semasa dilahirkan kanak-kanak menangis . Tangisan ini adalah hasil dari
- A cemburu
 - B pernafasan darurat
 - C kemahuan
 - D kesakitan
- S35 Psikologi kanak-kanak penting kepada guru kerana ianya
- A memberi asas kefahaman tentang perkembangan kanak-kanak.
 - B menolong guru menyediakan pengajarannya.
 - C menolong guru mengawal murid –murid kelas.
 - D memberi guru keyakinan untuk mengajar.
- S36 Satu contoh pengerakan instrinsik ialah
- A minat dalam isi pelajaran.
 - B hasrat untuk mengelak diri dari hukuman.
 - C hasrat bagi mendapat penerimaan dan kepujian kelas.
 - D hasrat untuk mencapai markah yang tinggi.
- S37 Perkara yang mana tidak boleh dianggap sebagai kesan baka?
- A bentuk badan.
 - B Kecerdasan.
 - C sikap negatif terhadap kerja fizikal.
 - D kebolehan kemahiran bermain bola sepak.
- S38 Tugas perkembangan di peringkat remaja melibatkan perkara-perkara berikut kecuali
- A mencari serta memilih rakan sebaya yang sesuai.
 - B mempelajari perbezaan dan tugas jantina tertentu.
 - C menerima keadaan fizikal dan sifat jantina sendiri.
 - D mencapai kebolehan berdikari dari segi ekonomi.

- S39 Kenyataan manakah salah mengenai konsep tugas perkembangan?
- A perlu dikuasai sebelum kanak-kanak menjelang peringkat kematangan
 - B timbul kerana kematangan fizikal dan kehendak masyarakat
 - C perlu dikuasai pada satu peringkat umur tertentu.
 - D timbul pada sesuatu peringkat hidup individu
- S40 Cikgu Mawardi sentiasa berusaha untuk memastikan murid-muridnya mempunyai sikap berdikari dengan cara
- A memperuntukan masa yang mencukupi untuk murid menjalankan suatu tugas.
 - B menaruh kepercayaan terhadap muridnya dalam membuat keputusan.
 - C menyampaikan pengajaran yang menari dengan teknik tunjukcara.
 - D mendenda murid sekiranya mereka melakukan kesalahan.
- S41 Seseorang guru perlu mengetahui fitrah manusia kerana ia membantu guru untuk
- A mengawal segala tingkah laku murid.
 - B menggalakkan murid untuk mencapai kesempurnaan sendiri.
 - C mengembangkan potensi murid ke tahap optimum.
 - D memahami kekuatan dan kelemahan murid.
- S43 Setelah mengajar Lokman selama tiga tahun, Cikgu Enon mendapati murid ini sememangnya seorang yang bertanggungjawab, jujur dan rajin. Ciri personaliti tersebut dikenali sebagai
- A nilai
 - B kecenderungan
 - C watak
 - D trait

- S44 Ali : Ibu, saya dah terima markah periksa!
Ibu : macam mana. Luluskah?
Ali : 20% sahaja. Yang cikgu ramal semua tak keluar..... Semua orang kata begitu!
Helah bela diri yang cuba digunakan oleh Ali ialah
- A Identifikasi
 - B Rasionalisasi
 - C Pindah diri
 - D Projeksi
- S45 Seorang yang mempunyai konsep sendiri yang positif lazimnya akan bersikap
- A pemarah, cemburu, suka mengkritik dan tidak suka bergaul.
 - B sering bergembira , memandang sinis akan kejayaan orang lain dan suka cabaran rendah.
 - C mudah interaksi, bermatlamat tidak realistik dan tidak harmonis antara keluarga.
 - D optimistik, mudah berinteraksi, beremosi stabil dan bercita-cita tinggi.
- S47 Pertumbuhan manusia adalah berbeza daripada perkembangan manusia kerana pertumbuhan
- A lebih senang diukur dan di lihat.
 - B berlaku secara berperingkat dan berterusan.
 - C ditentukan oleh faktor alam sekitar sahaja.
 - D melibatkan perubahan kualitatif sahaja.
- S48 Seorang guru telah mengikut kursus pendek selama dua minggu dalam bidang pembelajaran koperatif
Pembelajaran yang tersebut di atas disifatkan sebagai pembelajaran
- A non-formal
 - B berterusan
 - C formal
 - D informal

- S49 Dr Lee menyampaikan kuliah tentang pertumbuhan dan perkembangan pada guru pelatih. Permindahan pembelajaran secara positif tentang tajuk tersebut boleh berlaku sekiranya Dr Lee
- A menggalakkan guru pelatih menghafaz konsep.
 - B mengemukakan banyak contoh yang berkaitan dengan isi pelajaran.
 - C menekankan teknik pengajaran berpusatkan guru.
 - D menyusun isi pelajaran dari abstrak ke konkrit.
- S50 Pembentukan penganggapan yang betul adalah penting bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian, dari semasa ke semasa murid-murid masih membentuk tanggapan yang salah. Murid membuat tanggapan yang salah lebih disebabkan oleh
- A bahasa yang baku dan spesifik.
 - B contoh – contoh menarik dan menghayalkan.
 - C bayangan yang menarik dan menghayalkan.
 - D isi pelajaran di luar pengalaman murid.
- S51 Soalan : Cari nilai x , jika diberi x berganda dua sama dengan 64 tambah 36. Penyelesaian masalah matematik di atas memerlukan murid-murid menggunakan pemikiran
- A kreatif
 - B induktif
 - C konvergen
 - D divergen
- S52 Pembelajaran dapat didefinisikan sebagai
- A strategi untuk membolehkan pelajar mencapai matlamat.
 - B perubahan tingkah laku yang kekal hasil daripada pengalaman dan latihan.
 - C pendekatan yang melibatkan aktiviti-aktiviti mempelajari sesuatu.
 - D perubahan tingkah laku hasil daripada proses kematangan dan perkembangan.

- S53 Pelajar menentukan perkara yang ingin dipelajari dan jangka masa bagi sesuatu aktiviti serta tempat belajar. Peperiksaan kurang di tekankan sebaliknya pelajar menilai hasil pembelajaran secara sendiri. Pernyataan di atas merupakan ciri-ciri pembelajaran.
- A arah sendiri.
 - B bilik darjah terbuka.
 - C jarak jauh.
 - D modul terancang
- S54 Guru menunjukkan contoh hasil tangan senilukis dan tayang video kemahiran gimnastik yang baik untuk dipelajari oleh murid. Guru tersebut mengaplikasikan teori pembelajaran
- A Sosial.
 - B Kognitif.
 - C Humanis.
 - D Behavioris.
- S55 Setiap guru hendaklah faham bahawa pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Bagi pelajar-pelajar yang bergaya '*Kinesthetic-tactile*', guru hendaklah memberi peluang kepada pelajar memenuhi minat belajar dengan
- A melihat carta, graf, gambar rajah dan mencari objek dengan tepat.
 - B menyentuh, merasa dan memanipulasikan bahan bantu pembelajaran.
 - C membaca dan menyebut perkataan-perkataan agar dapat didengarnya.
 - D mendengar dan berbincang bersama-sama guru atau rakan-rakannya.
- S56 Setelah menonton adegan ganas melalui televisyen, Lee sering menunjukkan tingkah laku yang agresif dan suka berkelahi dengan rakan-rakannya. Berdasarkan teori Bandura, Lee telah mengalami pembelajaran melalui kaedah
- A tanggapan
 - B pelaziman
 - C pengamatan
 - D permodelan

- S57 'Proses pembelajaran hendaklah diberi keutamaan berbanding dengan hasil pembelajaran'. Pendapat ini ditegaskan oleh
- A Skinner
 - B Thorndike
 - C Bandura
 - D Piaget
- S58 Dalam proses pembelajaran, seseorang pelajar cuba menukarkan maklumat yang diterima kepada bentuk yang mudah difahami. Peringkat ini dikenali sebagai
- A menyimpan
 - B mengkod
 - C generalisasi
 - D ingat kembali
- S59 Prinsip pembelajaran rangsangan –gerak balas (R-G) Pavlov berlaku melalui
- A latihan, pengukuhan dan pengalaman .
 - B latihan, pembiasaan atau pengalaman.
 - C rangsangan, latihan dan kesediaan.
 - D kesediaan, latihan dan hasil gerak balas.
- S60 Bagi keseimbangan seseorang berkerjaya, apakah faktor utama yang menjadi tunjang kejayaan sebenarnya?
- A Jasmani
 - B Emosi
 - C Rohani
 - D Intelek